

NOTIS DATA PERIBADI DAN PRIVASI

Ranhill Bersekutu Sdn Bhd (Syarikat ini) menghormati privasi anda.
Kami menganggap dan memandang serius data peribadi anda.

Notis Data Peribadi dan Privasi ini dikeluarkan kepada semua kakitangan, pelanggan kami selaras dengan keperluan Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010.

Anda boleh memperolehi notis ini di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia yang menyatakan sebab-sebab kami akan mengumpulkan maklumat, jenis maklumat yang dikumpulkan, pendedahan kami kepada pihak ketiga (jika ada) dan pihak yang anda boleh menghubungi untuk mengakses kepada maklumat anda.

Pihak Syarikat berhak untuk meminda Notis ini kepada pekerja pada bila-bila masa dan akan meletakkan notis pindaan tersebut pada intranet (<http://intranet.ranhill-rbsb.com.my>) atau melalui mana-mana cara lain yang dianggap sesuai oleh syarikat, yang akan dimaklumkan dengan jelas kepada anda.

1. Pengumpulan Maklumat & Data Peribadi

Sewaktu anda berurusan dengan kami, kami akan meminta anda memberikan data dan maklumat tentang diri anda, organisasi anda, pekerja-pekerja anda dan/atau pelanggan-pelanggan anda ("Data Peribadi") untuk membolehkan kami mengurus niaga dengan anda atau menyediakan perkhidmatan dan/atau deliverables yang perlu berhubungan dengan perniagaan kami.

Data Peribadi tersebut mungkin termasuk maklumat tentang nama menurut kad pengenalan, nama pilihan, nombor kad pengenalan, umur, nombor hubungan, alamat kediaman, alamat e-mel, tarikh lahir, jantina, pekerjaan, jawatan, butiran akaun bank, maklumat isteri / anak seperti nama dan tarikh lahir, maklumat tentang kesihatan fizikal atau mental, pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang serupa, pensabitan atau pentuduhan pensabitan suatu kesalahan dan data lain yang diperlukan bagi pelaksanaan perkhidmatan kami kepada anda.

2. Mengapakah kami mengumpul Data Peribadi?

Pengumpulan data peribadi adalah relevan berhubungan dengan proses perniagaan, pelaksanaan kami, termasuk penyampaian perkhidmatan dan/atau penghantaran yang diminta dan pengurusan perhubungan pelanggan.

Data Peribadi yang diberikan oleh anda akan dikumpul, digunakan dan sebaliknya diproses oleh kami antara lainnya bagi tujuan berikut:

- a. penyampaian perkhidmatan atau pemasaran perkhidmatan tersebut sama ada pada masa kini atau di masa hadapan, kepada anda;
- b. untuk memudahkan pembayaran untuk perkhidmatan kami;
- c. prosedur pengurusan hubungan ahli atau pelanggan;

- d. tujuan diperuntukkan secara khusus dalam mana-mana perkhidmatan tertentu atau pemasaran perkhidmatan yang ditawarkan oleh kami;
- e. menjalankan program latihan dan kesedaran, aktiviti promosi pelanggan, pemasaran dan aktiviti profiling pelanggan berkaitan dengan perkhidmatan kami yang berkaitan;
- f. penyimpanan rekod dalaman kami;
- g. mematuhi sebarang keperluan undang-undang atau kawal selia berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan dan deliverables oleh kami dan untuk membuat pendedahan di bawah keperluan sebarang undang-undang yang terpakai, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, pekeliling, kod yang terpakai kepada kami; dan
- h. membolehkan kami menghantar maklumat kepada anda melalui e-mel, kaedah telekomunikasi (panggilan telefon atau pesanan teks) atau media sosial tentang produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak ketiga tertentu yang kami anggap mungkin menarik minat anda.

3. **Apakah kesan yang berbangkit daripada kegagalan untuk menyediakan Data Peribadi?**

Kegagalan untuk membekalkan Data Peribadi akan/mungkin:-

- a. menyebabkan kami tidak dapat memberikan perkhidmatan dan/atau penghantaran yang diminta kepada pihak Klien;
- b. menyebabkan halangan komunikasi antara anda dan kami, perkhidmatan nilai tambah dan maklumat terkini kepada anda;
- c. mengakibatkan kami tidak dapat menilai kesesuaian anda; dan
- d. menjejaskan keupayaan kami untuk mencapai tujuan yang dinyatakan di atas.

4. **Pendedahan**

Data Peribadi yang diberikan kepada kami secara amnya akan dirahsiakan tetapi anda dengan ini membenarkan dan memberi kuasa kepada kami untuk memberikan atau mendedahkan Data Peribadi kepada kategori pihak-pihak berikut:-

- a. mana-mana orang dimana kami terpaksa atau dikehendaki berbuat demikian di bawah undang-undang atau sebagai respons kepada agensi kompeten atau kerajaan;
- b. agensi kerajaan, pihak berkuasa berkanun dan pengawal selia industri;
- c. juruaudit, perunding, akauntan, syarikat insurans, peguam kami atau penasihat kewangan atau profesional kami dan Majlis Peguam; dan
- d. Klien kami, bakal klien atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga.

5. **Pelindung**

Kami akan menyimpan dan memproses data anda dalam cara yang selamat. Kami akan berusaha sedaya upaya, di mana praktik, untuk melaksanakan pelindung dan prosedur pentadbiran dan keselamatan dan prosedur selaras dengan undang-undang dan peraturan yang terpakai untuk menghalang pemprosesan Data Peribadi dalam cara yang tidak dibenarkan atau tidak sah dan kehilangan atau kemusnahan atau kerosakan pada Data Peribadi dalam cara yang tidak disengajakan.

6. Pemindahan & Perkongsian Data

Sekiranya kami menganggapnya perlu atau sesuai bagi tujuan penyimpanan atau pemprosesan data atau untuk menyediakan sebarang perkhidmatan atau penghantaran perkhidmatan bagi pihak kami kepada anda, kami boleh memindahkan Data Peribadi kepada penyedia perkhidmatan atau produk pihak ketiga di dalam atau di luar negara di mana kami ditubuhkan, dalam keadaan sulit dan tahap pelindung keselamatan yang serupa.

7. Hak anda terhadap akses dan pembetulan

Anda berhak untuk mengakses dan membuat pembetulan kepada Data Peribadi anda yang disimpan oleh kami dan dalam perkara ini, anda boleh:

- a. menyemak sama ada kami menyimpan atau menggunakan Data Peribadi dan meminta akses kepada data tersebut;
- b. meminta agar kami membetulkan sebarang Data Peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap atau ketinggalan zaman;
- c. meminta agar kami menyatakan atau menjelaskan dasar dan prosedurnya berhubung dengan data dan jenis Data Peribadi yang dikendalikan oleh kami.

Permintaan bertulis bagi mendapatkan akses kepada Data Peribadi atau membuat pembetulan terhadap Data Peribadi atau untuk maklumat mengenai dasar-dasar dan prosedur dan jenis Data Peribadi dikendalikan oleh kami boleh dibuat kepada:

Pejabat Perlindungan Data
Jabatan Sumber Manusia & Pentadbiran
Ranhill Bersekutu Sdn Bhd
Suite 2302, Level 23
Plaza Permata
No 6 Jalan Kampar Off
Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

Talipon : 603-2716 8888
Faks : 603-2716 8889
Emel: hr.services@ranhill.com.my